

PEMIKIRAN IBN KHALDUN TENTANG HUBUNGAN ANTARA KESUSASTERAAN, MASYARAKAT, DAN PEMBANGUNAN TAMADUN DALAM BUKU MUKADIMAH

THE THOUGHT OF IBN KHALDUN ON THE RELATIONSHIP BETWEEN LITERATURE, SOCIETY, AND THE DEVELOPMENT OF CIVILIZATION IN THE BOOK MUQADDIMAH

Nurhasma Muhamad Saad^{1*}
Ab Adly Rabbanie Bin Ab Rahim²
Yee Chin Yip³
Margaret Anthony⁴
Wan Moharani Mohammad⁵

¹ Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia (nurhasma@usim.edu.my)

² Faculti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 8, Persiaran Universiti 1, 43400 Serdang, Selangor (GS61292@student.upm.edu.my)

³ Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia (cyee@usim.edu.my)

⁴ Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia (margaret@usim.edu.my)

⁵ Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia (moharani@usim.edu.my)

*Corresponding author: nurhasma@usim.edu.my

Article history

Received date : 19-6-2025

Revised date : 20-6-2025

Accepted date : 25-7-2025

Published date : 15-8-2025

To cite this document:

Muhamad Saad, N., Ab Rahim, A. A. R., Yip, Y. C., Anthony, M., & Mohammad, W. M. (2025). Pemikiran Ibn Khaldun tentang hubungan antara kesusasteraan, masyarakat, dan pembangunan tamadun dalam Buku Mukadimah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (74), 343 - 358.

Abstrak: Ilmu kesusasteraan menurut Ibn Khaldun, seorang pemikir besar dalam dunia Islam, terdapat dalam karya monumental beliau iaitu Mukadimah. Buku ini bukan hanya membincangkan teori sejarah dan sosiologi, tetapi turut memberi tumpuan kepada aspek kebudayaan, termasuk kesusasteraan. Ibn Khaldun menganggap kesusasteraan sebagai suatu medium yang penting dalam pembentukan identiti budaya dan peradaban. Kajian ini bertujuan menganalisis pandangan Ibn Khaldun mengenai ilmu kesusasteraan, dengan memberi tumpuan kepada elemen-elemen seperti seni retorik, hubungan kesusasteraan dengan masyarakat, serta peranan penulis dan pembaca dalam konteks budaya dan sosial. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis teks dan teori kritikal untuk menggali pemikiran Ibn Khaldun berkaitan dengan kesusasteraan dalam Mukadimah. Pemikiran Ibn Khaldun memberikan perspektif yang luas dan relevan untuk memahami kesusasteraan dalam konteks moden terutama tentang hubungan antara teks, masyarakat dan pembangunan tamadun. Terdapat lima kaedah pendekatan pengajaran sastera menurut Ibnu Khaldun iaitu 1)Kompetensi Guru 2)Penerapan

dzauq, 3) Latihan berperingkat 4) Imitasi karya agung 5) Penggunaan keindahan bahasa menjadi alternatif yang relevan untuk memperkasakan sastera sebagai wahana pembinaan akal, jiwa dan tamadun. Ia juga menawarkan wawasan tentang bagaimana kesusasteraan dan masyarakat berinteraksi dalam memajukan tamadun manusia. Maka kajian ini merangkumi lima tema utama antaranya; definisi sastera, bentuk (puisi dan prosa), kemahiran, gaya bahasa serta konteks sosial dan budaya.

Kata Kunci: *Ibn Khaldun; Mukadimah; kesusasteraan; budaya; sosial.*

Abstract: *According to Ibn Khaldun, a great thinker in the Islamic world, literary knowledge is discussed in his monumental work, The Muqaddimah. This book not only explores theories of history and sociology, but also focuses on aspects of culture, including literature. Ibn Khaldun regarded literature as an important medium in shaping cultural identity and civilization. This study aims to analyze Ibn Khaldun's views on literary knowledge, with emphasis on elements such as the art of rhetoric, the relationship between literature and society, as well as the roles of writers and readers within cultural and social contexts. The study adopts a textual analysis and critical theory approach to delve into Ibn Khaldun's thoughts on literature as found in The Muqaddimah. His ideas offer a broad and relevant perspective for understanding literature in a modern context, particularly regarding the relationship between text, society, and the development of civilization. There are five methods of literary teaching approach by Ibnu Khaldun which are 1) Teacher competency, 2) The application of dzauq 3) Gradual training, 4) Imitation of literary text 5) Usage of language style in giving relevant alternative to strengthen the literature as medium for nurturing the intellect, soul, and civilisation. It also provides insights into how literature and society interact in advancing human civilization. Therefore, this study covers five main themes: the definition of literature, its forms (poetry and prose), skills, linguistic style, and the socio-cultural context.*

Keywords: *Ibn Khaldun; The Muqaddimah; literature; culture; social*

Pendahuluan

Seni kesusasteraan merupakan satu bidang yang dikuasai oleh Semenanjung Tanah Arab sejak zaman pra jahiliyyah sehingga berkesudahan dengan pemerintahan *Khulafa' Rashidin*, iaitu pada tahun 41H (661M). Kesusasteraan ini bukan sahaja satu medium hiburan semata-mata, namun juga berfungsi sebagai wadah penyampaian pemikiran, adat, sejarah, dan norma masyarakat. Karya sastera Arab mengalami perkembangan yang luar biasa seiring dengan kemajuan zaman agar tidak menjadi kejumudan pada analisis sastera. Hal ini kerana sastera Arab telah menjadi sebahagian daripada kajian yang menjadi tumpuan di seluruh dunia. (Azkia, 2018). Naguib Mahfouz (1988) menyatakan bahawa sastera Arab mempunyai kedudukan yang sangat tinggi dan istimewa sebagai sebuah pengetahuan tentang bahasa dan budaya Arab yang telah diiktiraf di persada dunia. Oleh itu, Ibn Khaldun (2024) menyatakan hal tersebut seperti yang berikut: "sastera ialah pengetahuan yang tinggi tentang sajak (puisi) dan pelbagai ilmu."

Pemikiran Ibn Khaldun menjadi rujukan kepada para pengkaji melalui karya agung beliau iaitu *Mukadimah*, di mana mereka mengamati pelbagai aspek yang terdapat di dalam buku tersebut. Terdapat pelbagai aspek yang disentuh oleh tokoh ilmunan ini antaranya, pendidikan, sosiologi, bahasa Arab, sejarah, kesusasteraan dan lain-lain. Oleh itu, kajian ini akan menyentuh berkenaan dengan pemikiran Ibn Khaldun dalam aspek kesusasteraan dan hubungkaitnya dengan masyarakat dan tamadun.

Tinjauan Literatur

Sastera memainkan peranan sangat penting kerana ia sebagai satu medium pemelihara identiti dan budaya serta satu cerminan keutuhan tamadun. (Aimi & Nurliana, 2020). Berdasarkan pandangan Ibn Khaldun sebagai tokoh tersohor dalam bidang sosiologi Islam dan sejarah yang mana menekankan kepentingan memahami perubahan masyarakat dan sistem pendidikan untuk membina tamadun. Sastera juga dilihat sebagai sebahagian daripada unsur penting dalam tamadun dan kebudayaan. Ibn Khaldun menggunakan pendekatan naratif dan retorik yang halus dalam penulisan beliau dengan menghubungkan fakta sejarah dengan tafsiran sosiologi dan rohani. Hal ini membuktikan sastera menjadi satu medium penyampaian ilmu yang tinggi nilainya dalam pemikiran beliau. Dalam artikel ini juga menekankan bahawa pendidikan berperanan sebagai pelestari budaya, termasuk nilai-nilai dalam adat resam, agama, dan keluarga yang sering dinyatakan atau diwariskan melalui karya sastera. Di sini, menunjukkan bahawa betapa luas dan menyeluruhnya pemikiran Ibn Khaldun dalam membina tamadun melalui ilmu, pendidikan, dan sastera terhadap struktur sosial yang kesemuanya masih relevan untuk diaplikasikan dalam kehidupan.

Selain itu, sastera tetap menjadi asas penting dalam pembentukan dan penyampaian pemikiran Ibn Khaldun kerana di dalam karya sejarah dan sosiologi, ia mengandungi unsur-unsur sastera iaitu berkait dengan retorik dan gaya bahasa klasik Arab, gambaran naratif sejarah yang kaya dengan kisah kemanusiaan, ungkapan puitis dalam menerangkan konsep tamadun dan kejatuhan. (Nabeela & Azmul Fahimi, 2023). Hal ini membuktikan bahawa sastera yang dinukilkan dalam karya agung Ibn Khaldun, *Mukadimah* penting dalam pembentukan intelektual dan kefasihan beliau. Ia juga memberi satu tumpuan besar kepada pemikiran sosiologi Ibn Khaldun, meletakkannya sebagai bapa sosiologi Islam moden. Ini juga selari dengan kajian Suhaila Abdullah & Nurliyana Mohd Talib (2023) bahawa Ibn Khaldun sebagai pengasas ilmu sosiologi moden melalui karyanya *Mukadimah* di mana beliau memperkenalkan teori 'Umran iaitu falsafah pembangunan dan kejatuhan tamadun berdasarkan pengamatan terhadap sejarah, masyarakat, geografi dan pemerintah. Walau bagaimanapun, Ibn Khaldun pernah mengupas tentang sastera di mana penggunaan puisi dan prosa sebagai alat untuk menyampaikan idea, sejarah dan emosi. Oleh kerana, dalam tamadun seperti Andalus, puisi menjadi wadah menyebarkan ilmu dan nilai estetika Arab-Islam. Sehubungan dengan itu, beliau juga menggunakan prosa dalam bentuk ilmiah, logik dan berstruktur untuk menghuraikan teori-teorinya. Dalam konteks ini, sastera juga menjadi sebahagian daripada manifestasi tamadun yang dicapai oleh masyarakat makmur, terdidik dan beretika seperti yang digariskan dalam teori 'Umran. (Yahya. 2018)

Berdasarkan kenyataan Rosfazila Abd Rahman (2016) dari sudut pembangunan masyarakat dan tamadun, Ibn Khaldun menekankan juga aspek-aspek seperti *'asabiyyah* (solidariti sosial), pemerintahan yang adil, ekonomi yang lestari, ilmu pengetahuan, akhlak dan agama sebagai asas utama kelangsungan sesebuah tamadun. Dalam konteks sastera, terutamanya puisi dan prosa, Ibn Khaldun melihatnya sebagai cerminan tahap perkembangan budaya dan peradaban masyarakat. Beliau menilai sastera sebagai wahana untuk memahami psikologi kolektif, nilai budaya dan kreativiti masyarakat yang berkait rapat dengan fasa pembangunan 'umran sesebuah peradaban. (Ibn Khaldun, 2024). Oleh itu, dapat dilihat bahawa fungsi sastera dalam perspektif Ibn Khaldun juga penting sebagai elemen kebudayaan yang berkait rapat dengan kestabilan sosial dan pengaruhnya terhadap jati diri sesuatu masyarakat.

Ibn Khaldun berpandangan bahawa sastera mencerminkan tahap kemajuan atau kemunduran sesuatu tamadun. Ketika sesebuah masyarakat mencapai kemuncak ketamadunannya, karya

sastera akan berkembang dengan pesat dan berkualiti. Namun, apabila tamadun mulai merosot, maka perkembangan sastera juga akan terbantut. Hal ini menunjukkan bahawa sastera berkait rapat dengan sesuatu peradaban manusia. (Zaid, 2009) Manakala, dalam konteks peradaban Islam, Ibn Khaldun menegaskan bahawa sastera harus berlandaskan nilai tauhid dan akhlak. Beliau berpendapat bahawa karya sastera sama ada puisi atau prosa tidak seharusnya bersifat kosong tanpa isi yang bermakna. Sebaliknya, sastera harus berperanan dalam menyampaikan nilai moral, memberikan pengajaran yang bermanfaat, dan mendidik masyarakat ke arah pembentukan umat yang berakhlak serta bertamadun. (Ibn Khaldun, 2024) Maka, pengkaji akan menganalisis peranan ilmu kesusasteraan termasuk puisi dan prosa menurut pemikiran Ibn Khaldun dalam struktur sosial serta bagaimana ia mencerminkan kekuatan atau kelemahan tamadun.

Ini juga sejajar dengan dapatan dalam kajian Jasmeen Nurul Iman (2024), yang menyatakan sastera merangsang pemikiran dan menyampaikan nilai masyarakat. Sastera juga tidak boleh terpisah daripada kehidupan sosial kerana ia mencerminkan realiti dan membentuknya. Kajian-kajian seperti oleh Ungku Maimunah (2006) dan Zahida Atiqah et al. (2022) membuktikan bahawa sastera mencerminkan struktur sosial dan nilai moral sesebuah masyarakat. Pendekatan sosiologi sastera digunakan untuk menganalisis bagaimana karya sastera berfungsi dalam masyarakat. Ini menunjukkan sastera adalah elemen penting dalam pembinaan dan pemeliharaan tamadun. Fungsi sastera melangkaui hiburan semata-mata. Ia menjadi wahana penting dalam pembentukan identiti bangsa, merangsang daya fikir yang kritis serta meningkatkan kesedaran terhadap isu sosial. A. Wahab Ali (1995) menyatakan bahawa karya sastera mencerminkan kehidupan masyarakat kerana ia lahir daripada pandangan serta pengalaman individu yang menjadi sebahagian daripada komuniti. Di samping itu, sastera turut membantu memperkukuh semangat patriotisme dan menyemai identiti nasional. Hal ini dibuktikan oleh kajian Chew Fong Peng (2008) yang menunjukkan bahawa pengajaran sastera yang bertemakan perpaduan mampu merapatkan hubungan antara pelbagai kaum di Malaysia serta membina persefahaman terhadap kepelbagaian budaya.

Ibn Khaldun

Ibn Khaldun (1 Ramadhan 732H / 27 Mei 1332M – 26 Ramadhan 808H / 16 Mac 1406M) “adalah seorang sarjana zaman pertengahan yang masyhur dengan falsafah ilmu sejarahnya dan juga idea beliau berkenaan bangun dan jatuhnya tamadun-tamadun” (Schmidt, 1978; Campo, 2009).

Nama beliau yang lengkap ialah ‘Abd al-Rahman ibn Muhammad ibn Muhammad ibn Muhammad ibn al-Hasan ibn Muhammad ibn Jabir ibn Muhammad ibn Ibrahim ibn ‘Abd al-Rahman ibn Khaldun. Panggilan Ibn Khaldun adalah merujuk kepada moyangnya iaitu Khalid ibn ‘Uthman yang merupakan Bani Khaldun pertama yang memasuki Andalusia bersama para penakluk berbangsa Arab lainnya pada awal abad ke-3 H / 9 M. Ibn Khaldun dilahirkan di Tunisia pada 1 Ramadan 732 H bersamaan 27 Mei 1332 M (Osman & Baharudin, 2009). Asal keturunannya adalah dari Arab Hadramaut, Yaman (Enan, 2012).

Gelaran Khaldun yang terpakai pada beliau adalah dinisbahkan kepada nama datuknya yang kesembilan iaitu *Khalid ibn ‘Uthmān*, yang merupakan ahli keluarganya yang pertama memasuki Andalus ketika peperangan pembukaan negara-negara Islam (*al-Fath al-Islāmī*). Ditukarkan *Khalid* kepada *Khaldun* adalah kerana mengikut adat orang Arab dan Maghribi, di mana ditambah perkataan *khālid* dengan huruf *waw* dan *nun* untuk menunjukkan kebesaran seseorang itu apabila digunakan dengan kata jamak. Maka terkenallah selepas itu keturunan

Khalid ini dengan gelaran *Bani Khaldun* iaitu keturunan *Khaldun* (Ali ‘Abd al-Wahid Wafi, 1962; Wan Mohd Fazrul Azdi, 2018).

Semenjak kecil sehingga zaman remajanya di Tunisia, Ibn Khaldun telah mempelajari tiga bidang utama. Pertama, pengajian Islam yang meliputi ilmu al-Qur’an, *al-Hadith*, dan perundangan Islam (*fikh*) terutama dalam mazhab Maliki. Kedua, bidang ilmu bahasa Arab yang mencakupi ilmu nahu, *saraf*, kesusasteraan dan *balaghah*. Ketiga, ilmu tentang logik, falsafah, sains semula jadi, dan matematik (Osman & Baharudin, 2009).

Bapa Ibn Khaldun juga merupakan guru *fiqh* dan bahasa Arab beliau yang pertama. Selain dari bapanya, Ibn Khaldun belajar bahasa Arab dengan sekumpulan ulama bahasa Arab yang hebat. Antaranya ialah Abu ‘Abd Allah ibn al-‘Arabi al-Hasari, Muhammad ibn al-Shawwash al-Zarzali, Abu al-‘Abbas Ahmad ibn al-Qassar yang merupakan ulama yang pakar dalam ilmu nahu dan Muhammad ibn Bahr yang merupakan ‘tokoh hujah’ dalam bahasa Arab dan kesusasteraan di Tunisia (Ibn Khaldun 1968; Nor Asyikin & Suhaila, 2018).

Ketika berumur 16 tahun, Ibn Khaldun telah menguasai hampir seluruh ilmu agama dan bahasa. Setelah itu, beliau cuba untuk meluaskan ilmunya di dalam ilmu falsafah dan logik. Keadaan ini tidak bertahan lama, serangan wabak taun yang berlaku pada tahun (1349M/749H) menuntut Ibn Khaldun untuk mengembara demi menyempurnakan tuntutan pendidikan dan kerjaya beliau serta kecintaan beliau yang begitu mendalam terhadap ilmu (Rahman, 1992). Ibn Khaldun telah pergi ke Fez, Andalus, Bougie, Biskra, Qal‘ah Ibn Salamah, Tunisia, dan Mesir. Beliau meninggal dunia di Kaherah pada 17 Mac 1406 M bersamaan 25 Ramadan 808H pada usia 76 tahun dan dimakamkan di permakaman sufi di Bab al-Nasr iaitu perkuburan bagi orang-orang terkemuka dan ulama (Ulis Dwi Wardani, 2009).

Ibn Khaldun telah menghasilkan hasil karya yang hebat dan tidak dapat ditandingi oleh cendekiawan yang lain. Antara karya beliau yang utama ini ialah *Lubāb al-Muḥaṣṣal fī Uṣūl al-Dīn*, kitab *Ibn Rushd*, *Taqyīd fī al-Mantiq*, *Kitāb fī al-Ḥisāb*, Huraian *al-Burdah* oleh Imam *al-Busiri*, *Shifā’ al-Sā’il fī Tahdhīb al-Masā’il*, *Dīwān al-Mubtada’ wa al-Khabar fī Ayyām al-‘Arab wa al-‘Ajam wa al-Barbar wa Man ‘Āsarahum Min Dhawī al-Sulṭān al-Akbar*, kitab *Muqaddimah* dan *al-Ta’rīf bi Ibn Khaldūn wa Riḥlatuhu Gharban wa Sharqan*, *Waṣf Bilād al-Maghrib*, yang ditulis untuk Timur Lang, pemerintah Monggol, *Tadhkīr al-Sahwān*, *Muzīl al-Malām ‘An Ḥukkām al-Anām*. Kitab *al-‘Ibr wa Diwan al-Mubtada’ wa al-Khabr fī Ayyam al-‘Arab wa al-‘Ajam wa al-Barbar wa man ‘Asarahum min Dhawi al-Sultan al-Akbar’* yang lebih dikenali sebagai kitab *al-‘Ibr* (Enan 1979). Kitab *al-‘Ibr* terbahagi kepada dua bahagian iaitu kitab *Mukadimah* dan *al-Tarikh* (al-Shimali, 1979; Nor Asyikin & Suhaila, 2018).

Mukadimah

Mukadimah adalah tulisan Ibn Khaldun yang paling utama atau merupakan mahakaryanya. Kitab *Mukadimah* yang merupakan bab pertama dari kitab *al-‘Ibr* telah menaikkan nama Ibn Khaldun setaraf dengan barisan pemikir-pemikir agung dalam tempoh yang begitu singkat. Kitab *Mukadimah* mengandungi pelbagai informasi sosiologi dan sebahagian besar elemen yang terkandung di dalamnya amat unik dan berbeza berbanding karya-karya sarjana Barat sama ada di zaman klasik mahupun zaman pertengahan (Maria, 2001).

Ibn Khaldun memulakan *Prolegomenanya* (Peradaban Manusia) dengan bertanyakan kepentingan sejarah dan jenisnya, dan kesilapan yang dilakukan ahli sejarah dalam merakamkan catatan sejarah dan peristiwa, sama ada bertindak mengikut tujuan dan sikap berat sebelah, kejahilan tentang undang-undang sosiologi dan keadaan masyarakat, berkehendakkan

ketepatan dan penyiasatan dalam menganggarkan yang mungkin dan tidak mungkin. Beliau kemudiannya memberikan beberapa contoh yang dibincangkan olehnya dalam cubaan untuk menunjukkan kesilapan yang terdapat padanya. (Enan, 2012).

Dalam bab kedua (Asas dan penjelasan Perihal Peradaban dan Kehidupan Kaum Badwi serta Segenap Bangsa dan Kabilah), Ibn Khaldun membincangkan tentang pelbagai jenis masyarakat nomad, ciri-ciri masyarakat Badwi dan membandingkannya dengan masyarakat bandar. Dengan itu, Ibn Khaldun telah mengemukakan satu daripada teori sosial baharu yang dinamakannya '*asabiyyah*' (semangat negeri atau dinasti). (Enan, 2012)

Dalam bab ketiga (Asas dan penjelasan Perihal Dinasti, Raja-raja, Khalifah, Pangkat dalam Kerajaan dan Perkara Yang Berkaitan dengannya), Ibn Khaldun membincangkan tentang negara dan kedaulatan. (Enan, 2012).

Dalam bab empat *Mukadimah*nya (Pertimbangan Asas dan Sampingan Perihal Negara, Kota, Peradaban dan Perkara Yang Berlaku di dalamnya, membahaskan Sosiologi Bandar termasuk Budaya dan Gaya Hidup Masyarakat Bandar), Ibn Khaldun membincangkan topik tentang negara dan bandar, asal usul pekan, ciri dan keadaannya yang berbeza seperti kesuburan dan kemajuan, kegersangan dan kemiskinan, serta kesan yang melangkaui jauh di luar negara tempat bandar ini berada. (Enan, 2012).

Dalam bab lima (Asas dan Penjelasan Perihal Sumber Hidup Termasuklah Keuntungan dan Pertukangan), Ibn Khaldun bercakap tentang mata pencarian, cara memperoleh pendapatan dan mengumpul kekayaan. (Enan, 2012).

Dalam bab terakhir (Bentuk Ilmu Pengetahuan dan Hubungannya dengan Cara Pengajaran), Ibn Khaldun mengatakan bahawa perkembangan ilmu adalah asas kepada kemajuan tamadun. Beliau membahaskan pelbagai jenis ilmu seperti sains keagamaan dan sosial yang pelbagai jenis (ketuhanan dan manusia) dengan bab yang panjang lagi menyeronokkan tentang ilmu-ilmu yang bersangkutan paut dengan bahasa Arab seperti ilmu nahu, leksikografi, ilmu bayan dan kesusasteraan, serta pelbagai cabang ilmu yang lain. Akhirnya, beliau menumpukan perhatian kepada pendidikan, kaedah pengajaran, dan ciri ilmuwan, serta mengakhiri dengan kupasan mengenai filologi, retorik, sajak prosa dan bentuknya yang digunakan ketika itu. (Enan, 2014)

Metodologi

Kajian kualitatif ini menggunakan metode kajian kepustakaan sebagai asasnya. Fokus utama kajian ini adalah untuk melakukan analisis terhadap kitab *Mukadimah* karya Ibn Khaldun yang merupakan sumber data primer bagi kajian ini. Tujuannya adalah untuk meneroka pemikiran Ibn Khaldun tentang kesusasteraan dan melihat perkaitannya dengan pencapaian dan kecemerlangan tamadun Islam. Kaedah analisis kandungan digunakan untuk meneliti bab terakhir iaitu Bentuk Ilmu Pengetahuan dan Hubungannya dengan Cara Pengajaran dalam kitab *Mukadimah*. Sementara itu, sumber primer dan sekunder lain turut dirujuk melalui tinjauan literatur terhadap penulisan yang berkaitan bagi mengumpulkan maklumat tentang kesusasteraan. Sumber-sumber ini turut digunakan bagi mendapatkan maklumat mengenai latar belakang Ibn Khaldun dan penulisan kitab *Mukadimah* serta pandangan sarjana tentang teori kesusasteraan dan pengajarannya. Kajian ini juga mengutarakan perbincangan dan analisis berkaitan dengan kesusasteraan dan hubungannya dengan masyarakat dan tamadun. Sumber rujukan utama atau korpus kajian bagi kajian ini ialah kitab *Mukadimah* Ibn Khaldun terbitan *Maktabah Nahdah Misr*, Kaherah tahun 2014. Pengkaji juga menggunakan kitab *Mukadimah*

yang sudah diterjemah ke bahasa Malaysia terbitan The Biblio Press tahun 2024. Semua maklumat yang diperoleh sama ada dari sumber primer atau sekunder disaring, dinilai, dikritik, dan dianalisis secara deskriptif.

Perbahasan Ibn Khaldun Berkaitan Kesusasteraan Dalam Buku *Mukadimah*

Perbahasan Ibn Khaldun (2024) tentang kesusasteraan dibincangkan dalam bab terakhir iaitu Bentuk Ilmu Pengetahuan dan Hubungannya dengan Cara Pengajaran dalam buku *Mukadimah*. Ibn Khaldun menyatakan dalam topik ilmu-ilmu yang ada sangkut paut dengannya bahasa Arab bahawa “tiang-tiang bagi bahasa Arab ada empat - leksikografi, *nahwu* (tatabahasa), *bayan* (gaya bahasa), dan *adab* (kesusasteraan). Pengetahuan tentang semua itu penting bagi para sarjana ilmu agama, sebab sumber hukum-hukum *syar’iyyah* adalah al-Quran dan sunnah, yang memakai bahasa Arab. Penukil-penukilnya, para sahabat dan tabiin, adalah orang-orang Arab. Kesukaran-kesukaran diterangkan dalam bahasa Arab yang mereka kuasai. Maka, orang yang ingin menjadi sarjana ilmu agama harus mengetahui segala ilmu yang ada kaitannya dengan bahasa Arab.”

Definisi ilmu kesusasteraan

Definisi kesusasteraan seperti yang dinyatakan oleh Ibn Khaldun (2024), “ahli-ahli bahasa yang mahu mendefinisikan disiplin ini menyatakan “sastera ialah pengetahuan yang tinggi tentang sajak dan tentang pelbagai ilmu”. Apa yang mereka maksudkan ialah berpengetahuan tentang bahasa dan syariah, tetapi hanya kandungan al-Quran dan hadis. Tidak ada ilmu lainnya yang ada kaitannya dengan bertutur Arab, dapat diperlukan sebab sebagaimana para sarjana mutakhir yang telah melibatkan dirinya dengan keahlian tentang tokoh retorik telah menggunakan kiasan dengan cara (merujuk kepada) istilah-istilah saintifik di dalam karya-karya puisi dan prosa langsung mereka. Dengan demikian, sasterawan berasa perlu untuk mengetahui istilah-istilah ilmu, demi untuk dapat memahami kiasan-kiasan seperti itu. Sastera boleh dianggap sebagai satu bentuk seni yang mengekspresikan keindahan bahasa serta mengandungi elemen budaya, nilai masyarakat, dan pemikiran manusia yang mencerminkan kehidupan sebenar. Ia sejajar dengan takrifan sastera yang terdapat dalam Kamus Dewan (2005), sebagai hasil karya yang terhasil dalam bentuk puisi atau prosa yang mempunyai keindahan tersendiri dari segi struktur dan pengucapan emosi.

Ibn Khaldun (2024) juga menyatakan bahawa “dasar-dasar dan prinsip-prinsip ilmu ini adalah empat buku. Yakni: *Adab al-Kitab (Adab al-Katib)* karya Ibn Qutaibah; *Kitab al-Kamil* karya al-Mubarrad; *Kitab al-Bayan wa al-Tabyin* karya al-Jahidz; dan *Kitab al-Nawadir* karya Abu Ali al-Qali al-Baghdadi. Selain keempat buku tersebut, adalah cabangnya. Kitab-kita karya para sarjana moden mengenai ilmu ini cukup banyak.”

Pengajaran Bahasa Arab *Mudar*

Ibn Khaldun (2024) menyatakan “ketahuilah, keahlian berbahasa Arab *Mudar* pada masa kini telah punah dan tercemar. Bahasa generasi masa kini merupakan perubahan dari bahasa *Mudar*, yang dengannya al-Quran dulu diturunkan. Bahasa kita sekarang adalah bahasa lain yang lahir dari percampuran bahasa Arab dengan bukan Arab, sebagaimana telah disebutkan sebelum ini. Hanya saja, kerana bahasa adalah suatu disiplin ilmu, maka selalu ada kemungkinan mempelajarinya, seperti semua disiplin ilmu lainnya.”

Sehubungan dengan itu, Ibn Khaldun (2024) telah mencadangkan cara pengajaran yang baik untuk mempelajarinya (bahasa Arab *Mudar*) seperti berikut: i) dimulai dengan menghafalkan ucapan purba bangsa Arab, yang berasal daripada al-Quran dan hadis, ucapan orang salaf, dan pidatonya orang-orang pandai Arab serta sajak-sajak dan syair- syairnya, ii) Setelah hafal banyak puisi dan prosa, mereka menjadi seperti orang- orang yang lahir dan besar di antara bangsa Arab dan belajar cara menyatakan pendapat, iii) Setelah itu, mereka harus mencuba melahirkan fikirannya sesuai dengan bentuk dan susunan kalimat Arab yang baku. Teknik menghafal dan melahirkan pendapat dengan cara demikian dan dengan sering digunakannya dan diulang-ulang, memberikan kepada mereka suatu keahlian yang akan terus berkembang.

Dalam pada itu, mereka memerlukan pengenalan watak dan pemahaman secara baik atas pelbagai kecenderungan orang Arab dan sistematik mereka di dalam penyusunan kalimat yang baik dan benar. Rasa *dzauqlah* yang membuktikannya. Ini timbul daripada keahlian, watak dan cara berfikir yang sihat. Dari penghafalan dan pengulangan pemakaiannya, kadar keindahan akan muncul daripadanya, baik dalam bentuk puisi mahupun prosa. Yang memperoleh keahlian seperti ini seseorang akan memperoleh loghat *Mudar*. Mereka berpandangan kritis dan tajam terhadap loghat dan *balaghah*. Demikianlah seharusnya cara mempelajarinya.

Daripada kenyataan Ibn Khaldun di atas, bahasa merupakan satu disiplin ilmu yang perlu dipelajari dan bahasa Arab *Mudar* dapat dipelajari dengan menghafal ucapan Arab klasik yang berasal daripada al-Quran, hadis, ucapan para salaf, pidato cendekiawan Arab, sajak dan syair.

Konsep 'rasa', *dzauq*

Perkataan 'rasa', *dzauq*, adalah digunakan di kalangan orang yang mengambil berat terhadap pelbagai cabang ilmu kritikan sastera, *bayan*. Ia bermakna kefasihan lidah telah memiliki kepetahan *balaghah*. *Balaghah* adalah penyelarasan pembicaraan kepada apa yang mahu dimaksud, dalam setiap aspeknya. Ia diperoleh melalui gabungan perkataan. Pembicaraan yang fasih berbahasa Arab memilih bentuk pernyataan yang berupaya menghasilkan penyelarasan menurut kaedah dan cara percakapan orang- orang Arab. Dalam hubungan ini, dia ternyata tidak menyimpang daripada kefasihan, *balaghah* berbahasa Arab.

Kebiasaan yang telah mantap dan telah bersebuti pada tempatnya kelihatan seolah-olah pembawaan dan naluri. Dengan demikian, ramai orang tidak biasa dengan pentingnya kebiasaan itu, beranggapan bahawa penggunaan akhiran huruf vokal dan susunan bahasa, kalimat bahasa Arab di dalam bahasa mereka adalah suatu hal yang semula jadinya. Mereka mendakwa adalah tidak benar. Pembicaraan yang betul adalah suatu kebiasaan yang telah diwarisi dan mapan dalam penyusunan kalimat, hinggakan seakan-akannya ia sudah menjadi suatu hal yang semula jadinya atau pembawaan.

Sungguhpun begitu, kebiasaan ini melalui latihan yang terus-menerus dalam bertutur dan daripada pendengaran yang berulang- ulang kalinya dan daripada pemahaman nilai-nilai khusus mengenai gabungan perkataan- perkataannya. Ia diperolehi melalui pengetahuan mengenai peraturan-peraturan ilmu yang berlegar dalam kritikan sastera. Peraturan-peraturan itu memberikan penguasaan tentang hukum-hukum tatabahasa sebagaimana dirumuskan para ahli tatabahasa Arab. Ia tidak memberikan seseorang itu kebiasaan sebenar pada tempat-tempatnya. Sekiranya hal itu dapat dimantapkan kefasihan lidah seorang pembicara yang fasih itu akan dibimbing oleh seorang yang betah ke arah pelbagai aspek merangkaikan kalimat dan mendapatkan susunan yang betul sejajar dengan susunan dan gabungan kalimat yang biasa digunakan oleh para penulis prosa dan puisi Arab.

Konsep “*dzauq*” ini memainkan peranan penting dalam seni kesusasteraan. al-Nadwi (1980) menegaskan bahawa sastra perlu menyampaikan kebenaran secara halus dan menyentuh jiwa pembaca melalui keindahan bahasa, dan kepekaan estetik iaitu rasa. (Rahmah & Mohd Shahrizal, 2011). Di sini menunjukkan bahawa penguasaan bahasa Arab yang sebenar tidak hanya bergantung kepada pengetahuan tatabahasa, tetapi memerlukan latihan berterusan dalam bertutur, pendengaran, dan pemahaman terhadap nilai estetik dalam susunan kata. Kefasihan lidah dan gaya bahasa yang baik terbentuk melalui *dzauq* (rasa bahasa) yang diasah melalui bimbingan, serta peniruan gaya penulis prosa dan puisi yang mahir.

Pembahagian Pembicaraan Kepada Puisi dan Prosa

Bahasa Arab dan percakapan bahasa Arab adalah terbahagi kepada dua cabang. Satu di antaranya syair nazam. Ia adalah pembicaraan mengenai matra dan ritma, yang bermakna bahawa setiap barisnya berakhir pada satu huruf yang tertentu, yang disebut 'ritma', sajak. Cabang yang lainnya adalah prosa iaitu, pembicaraan yang tanpa matra. Ini juga selari dengan pandangan al-Hashemi (2013) dalam kitab *Jawahir al-Adab* di mana pembahagian gaya penulisan terbahagi dua bentuk utama iaitu pertama, puisi berirama (*asy-syi'ir al-manzum*) kata-kata yang tersusun dalam bentuk berima dan berirama mengikut pola tertentu. Bentuk ini lazim digunakan dalam genre seperti pujian (*madah*), cercaan (*hija'*), dan ratapan (*riha'*).

Kedua, prosa (*an-natsar*) ialah kata-kata yang tidak mempunyai irama atau pola metrik. Menurut al-Qadi al-Jurjani pula (Ahmad al-Syab, 1964) “puisi adalah salah satu ilmu pengetahuan bangsa Arab, di dalamnya terkandung unsur seperti ciptaan dan kepintaran yang menjadi teras kepadanya”. Manakala, prosa terbahagi kepada dua jenis: prosa bersajak, prosa yang mengandungi keselarasan bunyi (rima) di akhir frasa atau ayat, dan prosa bebas, iaitu gaya penulisan bebas tanpa terikat kepada sebarang rima atau panjang tertentu. Kata-kata disusun dengan bebas tanpa pemotongan atau penyesuaian bunyi akhir. Bentuk ini membolehkan penyampaian isi secara terus dan bebas.

Setiap cabang mencakup pelbagai macam sub-cabang dan cara-cara pengucapan. Puisi mencakup sajak-sajak pujian, madah, sajak kepahlawanan, dan elegi. Adapun prosa boleh berupa prosa bersajak. Prosa bersajak berakhir putus, cola ending, pada ritma yang seluruhnya, atau kalimat-kalimat nazam secara sepasang-sepasang. Inilah yang disebut 'prosa bersajak'. Prosa boleh jadi berupa 'prosa langsung', mursal. Dalam prosa mursal, pembicaraan berlangsung terus dan tidak terbahagi kepada bahagian- bahagian yang terputus tapi terus lurus tanpa bahagian-bahagiannya baik berupa sajak atau apa pun juga. Prosa dipergunakan dalam khutbah-khutbah, doa, dan dalam pembicaraan-pembicaraan yang dimaksudkan untuk membesarkan hati atau menakut- nakuti masa. (Ibn Khaldun, 2024)

al-Quran adalah berbentuk prosa. Namun, ia tidak termasuk ke dalam kedua- dua kategori tersebut, dan tidak disebut prosa mursal atau prosa musajja, bersajak. Ia terbahagi dalam ayat-ayat, bahagian yang berakhir pada pemotongan-pemotongan maqati di mana rasa, *dzauq*, yang mengharuskan seseorang menghentikan pembacaan di situ. Kemudian, pembicaraan 'diulangi dan diteruskan pada ayat berikutnya.

Oleh itu, Ibn Khaldun menekankan bahawa puisi dan prosa bukan hanya bersifat estetika, tetapi memainkan peranan penting dalam merakam sejarah, menyebarkan ilmu, dan menyalurkan nilai budaya. Dalam konteks ini, pembahagian antara puisi berirama dan prosa bersajak atau bebas menzahirkan pelbagai cara masyarakat menyampaikan pengalaman mereka dalam bentuk yang sesuai dengan konteks zaman dan keadaan sosio-politik. Dan juga, kandungan sastra tetap

harus mendidik masyarakat, menyemai nilai-nilai mulia, serta menyumbang kepada pembentukan umat yang bertamadun dan berilmu. Pandangan Ibn Khaldun sangat selari dengan pembahagian dan penilaian terhadap gaya puisi dan prosa dalam sastera Arab. Beliau melihat bahawa bentuk dan struktur bahasa adalah cerminan langsung kepada kekuatan atau kelemahan peradaban. Maka, penguasaan terhadap teknik sajak dan prosa bukan hanya soal estetika, tetapi juga lambang keagungan intelektual dan sosial masyarakat.

Kemahiran Menulis Syair dan Cara Mempelajarinya

Menurut Ibn Khaldun (2024), syair merupakan satu bentuk pembicaraan yang mulia dan agung dalam tradisi Arab. Ia tidak hanya berfungsi sebagai medium ekspresi estetika, tetapi juga sebagai arkib ilmu dan sejarah bangsa Arab yang digunakan untuk menilai kebenaran serta menjadi rujukan kebijaksanaan. Syair ialah pembicaraan yang fasih dan baligh, mengandungi kekuatan emosi, keindahan bahasa dan nilai intelektual yang tinggi. Antara teknik penulisan yang dinyatakan Ibn Khaldun (2024) adalah syair Arab dibina melalui bait-bait atau *cola* yang masing-masing memiliki matra (*wazn*) dan ritma yang seragam, dan disatukan dalam satu bentuk *qasidah*. Setiap bait membawa makna yang bebas namun tetap harmoni dari segi gaya dan nada keseluruhan. Matra yang digunakan dalam syair Arab adalah khusus, terhad kepada 15 jenis *bahr* menurut ilmu '*arud*, dan ini menunjukkan betapa teknikal dan tersusunnya seni puisi ini.

Penghasilan syair bukan semata-mata hasil kemampuan berbahasa, tetapi memerlukan bakat semula jadi serta latihan teknikal yang berterusan. Keindahan bahasa, atau *dzauq*, bersama ketajaman intelektual amat penting dalam menguasai seni ini. Penyair perlu menghasilkan bait-bait yang lengkap dan berdiri sendiri dari segi makna, namun mampu mencipta kesinambungan dalam tema dan gaya. Mereka perlu berkemahiran dalam berpindah antara tema, contohnya, dari cinta kepada pujian, dari padang pasir kepada kesedihan tanpa menghilangkanan keharmonian keseluruhan syair dan perlu mengelak peralihan matra secara tidak sengaja juga penting untuk mengekalkan keutuhan struktur syair.

Dari sudut estetika, penciptaan syair memerlukan penyusunan kata-kata secara metrikal atau *nazam* yang mencipta gambaran dalam imaginasi, seolah-olah seperti cetakan dalam seni bina atau alat dalam tenunan. Susunan ini membolehkan penyair menyampaikan ideanya dengan teratur dan berkesan melalui penggunaan retorik, *i'rab*, dan gaya bahasa (*bayan*) yang halus. Untuk mempelajari penulisan syair, seseorang perlu memahami kaedah-kaedah utama puisi Arab seperti ilmu '*arud*, *balaghah*, dan *nahu*. Latihan berterusan, peniruan bentuk-bentuk puisi klasik, serta penghayatan terhadap keindahan dan teknik puisi Arab akan membantu membentuk kefahaman dan kecekapan dalam bidang ini. Ini menunjukkan bahawa penguasaan syair adalah sebahagian penting dalam proses penguasaan bahasa Arab yang sebenar.

Kesimpulannya, menurut Ibn Khaldun (2024) melihat *syi'ir* sebagai gabungan antara seni, teknik, dan kecerdasan linguistik yang tinggi. Penguasaan terhadap syair bukan hanya menunjukkan bakat seni, tetapi juga merupakan lambang keagungan intelektual dan budaya bangsa Arab. Hanya dengan penguasaan mendalam terhadap syair dan prosa, seseorang ini menimbulkan persoalan tentang peranan seni dalam memajukan intelek dan adakah seni moden masih memegang fungsi yang sama.

Syair dan Prosa Berperanan Melalui Perkataan-Perkataan dan Bukan Dengan Idea-Idea

Menurut Ibn Khaldun (2024) syair dan prosa adalah berteraskan kekuatan kata-kata, dan bukannya pada idea-idea. Idea adalah sekunder kepada kata-kata. Kata-kata itu adalah bahan asasnya. Seseorang seniman yang berusaha mendapatkan keterampilan mencipta syair dan prosa haruslah menggunakan kata-kata. Dia dapat menghafal perkataan-perkataan yang sesuai daripada pembicaraan Arab, supaya dia dapat menggunakannya secara kerap dan menerapkannya pada lidahnya. Akhirnya, kebiasaan berbahasa Arab klasik itu menjadi benar-benar mapan pada dirinya. Bahasa adalah suatu kebiasaan yang ada hubungan dengan pembicaraan. Seseorang itu berusaha mendapatkannya melalui amalan lisan secara berulang-ulang melalui lidah, hinggalah dia dapat menguasainya sebagaimana halnya dengan kebiasaan-kebiasaan lainnya. kualiti bahasa dan balaghah menurut cara penggunaannya, adalah berbeza-beza sesuai dengan perbezaan tingkah komposisi pembicaraan, bergantung kepada cara di mana pengungkapannya sesuai dengan keadaan yang ingin diungkapkan. Tetapi ideanya adalah satu sama lain. Seseorang yang tidak betah menyusun komposisi pembicaraan dan tidak menguasai kaedah-kaedahnyanya, sebagaimana dituntut oleh keahlian bahasa Arab, dan yang tidak berhasil mengungkapkan apa yang ingin dia ungkapkan, adalah bagaikan seorang yang tepok yang berusaha untuk berdiri tapi tidak berupaya, sebab dia kekurangan kekuatan untuk melakukannya.

Ibn Khaldun (2024) menekankan bahawa kekuatan syair dan prosa Arab terletak pada kata-kata, bukan pada idea, sekaligus mencabar pandangan moden yang lebih menekankan gagasan berbanding bentuk. Beliau juga melihat bahasa sebagai satu kebiasaan lisan yang diperoleh melalui latihan dan pengulangan, bukan sekadar hafalan teori. Penguasaan balaghah pula bergantung kepada keupayaan menyusun kata secara tepat dan sesuai dengan konteks, menunjukkan bahawa keindahan bahasa Arab sangat bergantung kepada keharmonian antara bentuk dan maksud. Tambahan pula, Ibn Khaldun (2024) menggunakan suatu metafora di mana menggambarkan mereka yang gagal menyusun pembicaraan dengan baik, menandakan bahawa kelemahan bahasa mencerminkan kelemahan intelektual dan budaya seseorang. Ini menunjukkan betapa seriusnya beliau melihat penguasaan bahasa sebagai lambang kekuatan intelektual dan keupayaan budaya.

Kebiasaan Berbahasa Adalah Diperoleh Dengan Banyak Menghafaz. Kualiti Yang Baik

Ibn Khaldun (2024) menyebutkan bahawa mereka yang ingin mempelajari bahasa Arab haruslah menghafal atau menguasai banyak bahan. Kualiti kebiasaan yang dihasilkan itu adalah tergantung kepada kualiti, jenis, dan jumlah bahan yang dihafal. Maka siapa yang bahan hafalannya adalah syair Hubaib, atau at-Attabi atau Ibn al-Mu'tazz, atau Ibn Hani', atau as-Syarif ar-Rida, atau menghafal risalah-risalah Ibn al-Muqaffa', atau Sahal bin Harun, atau Ibn al-Zayyat, atau al-Badi', atau as-Sabi', maka keahliannya akan lebih baik dan berada pada kedudukan dan tingkatan balaghah yang lebih tinggi daripada orang yang menghafaz syair Ibn Sahal, salah seorang penyair dari kalangan *mutaakhkhirin*, atau Ibn an-Nabih, atau prosa al-Bisani atau al-Imad al-Isfahani, sebab tingkatan mereka lebih rendah daripada para pendahulu mereka. Hal ini nampak begitu jelas bagi kaum terpelajar yang kritis yang memiliki *dzauq*, 'rasa' sastera.

Kualiti pemakaian bahasa seseorang dari generasi sesudahnya adalah tergantung kepada kualiti bahan yang dipelajari atau yang dihafal. Dengan meningkatkan bahan sastera yang dihafal atau dikuasai, keahlian yang diperoleh akan lebih meningkat, dan kekuatan suatu keahlian tumbuh

dengan pemupukan. Hal ini terjadi sebagai berikut. Jiwa adalah satu kesatuan yang menunggal dengan manusia sesuai wataknya yang alami. Tapi ia berbeza-beza pada setiap manusia, tergantung pada besar kecilnya intensiti hubungannya dengan persepsi-persepsi. Perbezaan jiwa ini adalah akibat dari perbezaan persepsi, kebiasaan, dan warna-warna yang mengkeadaankannya dari luar. Keadaan ini menyebabkan kewujudannya berlangsung dan mengubah bentuknya, daripada kemungkinan kepada yang sebenarnya.

Ibn Khaldun (2024) menekankan pentingnya penguasaan bahasa Arab melalui hafalan karya-karya sastra yang tinggi mutunya. Beliau menegaskan bahawa tahap kemahiran berbahasa seseorang amat bergantung pada kualiti dan martabat teks yang dihafal, semakin bernilai karya tersebut dari segi estetika dan bahasa, semakin tinggi pula penguasaan balaghah yang dapat dicapai. Pandangan ini menolak amalan hafalan secara rawak, sebaliknya menggalakkan pemilihan teks sastra yang benar-benar berkualiti. Selain itu, perbezaan dalam kemahiran bahasa antara individu dijelaskan melalui variasi dalam pengalaman dan amalan hafalan mereka, yang menunjukkan bahawa penguasaan bahasa bukan sekadar kecekapan teknikal, tetapi turut mencerminkan pembentukan intelek dan jiwa seseorang.

Orang-Orang Yang Bermartabat Adalah Lebih Daripada Mengembangkan Kepenyairan

Syair adalah arkib, diwan orang-orang Arab, yang berisi ilmu, sejarah, dan kebijaksanaan mereka. Para pemuka Arab sering bersaing dalam usaha ini. Mereka berhenti di pasar Ukaz untuk membacakan syair. Masing-masing akan memperdengarkan karyanya berisi kritikan terhadap orang-orang yang terkenal dan pandai. Akhirnya, syair-syair Arab bersaing untuk digantungkan pada pojok-pojok *al-Bait al-Haram*, tempat mereka melakukan ibadah haji dan Kaabah, sebagaimana dilakukan oleh Imru al-Qays bin Hujr dan an-Nabighah adz-Dzibyani, Zuhair bin Abi Sulma, Antarah bin Syaddad, Tarafah bin al-Abd, Alqamah bin Abadah, al-A'sya, dan lain-lain daripada kelompok *mu'allaqat* yang tujuh. Hanya orang yang berpengaruh di kalangan rakyat, dan yang berkedudukan yang baik, yang berupaya menggantungkan syairnya di pojok-pojok Kaabah. Salah satu alasan disebutnya dengan *mu'allaqat*.

Kemudian, pada permulaan Islam, orang-orang Arab berhenti melakukan kebiasaan itu. Mereka sibuk dengan persoalan-persoalan Islam, dengan kenabian, dan wahyu. Mereka terpesona oleh kaedah dan bentuk al-Quran. Untuk beberapa waktu mereka tidak membicarakan soal syair dan prosa. Lalu, peristiwa-peristiwa besar terus berlangsung, dan petunjuk muncul sebagai sesuatu hal yang akrab bagi umat Islam. Tidak ada wahyu yang menyatakan bahawa syair diharamkan atau dilarang. Nabi Muhammad SAW mendengar syair dan menghargai penyairnya. Dalam keadaan demikian, orang-orang Arab kembali kepada kebiasaan dalam kegiatan syair bersyair. Umar bin Abi Rabi'ah, pembesar Quraisy pada masa itu, yang berkedudukan yang tinggi, juga memiliki tingkatan yang tinggi di dalam bidang syair. Banyak syairnya yang dibacakan pada Ibn Abbas, yang mendengarkannya dengan penuh takjub.

Lalu di sana muncul kedaulatan yang kian besar dan dinasti yang makin hebat. Orang-orang Arab mendekati para khalifah dengan syair-syair pujian mereka, dan para khalifah mengupah mereka sesuai dengan kualiti syair dan kedudukan mereka di tengah rakyat. Para penyair begitu berkeinginan mempersembahkan syair-syair mereka. Dari mereka para khalifah mempelajari cerita-cerita yang menakjubkan, sejarah, leksikografi, dan pembicaraan yang mulia. Orang-orang Arab menyuruh anak-anak mereka menghafazkan syair-syair. Situasi ini terus berlangsung selama masa Bani Umayyah dan pada permulaan masa daulah Bani Abbas. Perhatikanlah apa yang dinukilkan oleh pengarang *al-Iqd* tentang kajian ar-Rasyiq tentang al-

Asma'i dalam hal syair dan para penyair, dan anda akan menyimpulkan bahawa ar-Rasyiq memiliki pengetahuan yang baik tentang masalah itu. Dia memberikan perhatian kepada pertumbuhan syair. Dan dia mampu membezakan pembicaraan yang baik dengan pembicaraan yang buruk, di samping terkenal kemampuannya menghafaz syair.

Menurut Ibn Khaldun (2024) kepenyairan bukan sekadar seni, tetapi simbol martabat dan kekuasaan. Hanya orang-orang yang mempunyai pengaruh besar dan dihormati masyarakat diberi penghormatan untuk menggantung syair mereka di Kaabah. Ini menunjukkan bahawa syair digunakan secara eksklusif oleh golongan atasan untuk menyampaikan ilmu, sejarah, serta menyuarakan pandangan dan kritikan. Selepas kedatangan Islam, syair tidak terpinggir, malah terus dihargai oleh para khalifah menggunakannya sebagai alat untuk pendidikan, penyebaran nilai dan bahkan sebagai medium politik. Hal ini membuktikan bahawa kepenyairan dalam masyarakat Arab membawa makna yang lebih daripada seni, kerana ia adalah cerminan kedudukan sosial, intelektualisme, dan pengaruh.

Syair Orang Arab Semasa, Badwi dan Bandar

Ketahui bahawa syair itu tidak terbatas secara eksklusif dalam bahasa Arab. Ia terdapat dalam setiap bahasa, baik Arab mahupun bukan Arab. Penyair-penyair terdapat di kalangan bangsa Persia dan orang Yunani. Penyair Yunani, Homer, disebut dan dipuji oleh Aristotle di dalam *Logic*. Suku Himyar juga memiliki penyair-penyairnya pada masa-masa yang lampau.

Secara semula jadinya syair kedapatan di kalangan para pembicara dari setiap bahasa, kerana matra-matra suatu susunan yang harmoni berselang-seli dengan konsonan yang tetap, tanpa dan huruf saksi, merupakan terdapat dalam semula jadinya di seluruh umat manusia. Dengan demikian syair tidak akan pernah lenyap sebagai akibat lenyapnya sesuatu bahasa - dalam hal ini, bahasa orang-orang Arab *Mudar* yang masih asli, yang sebagaimana diketahui, merupakan ahli-ahli syair yang terkemuka. Oleh itu, seni puisi merupakan satu bentuk ekspresi universal yang hadir dalam pelbagai bahasa dan budaya. Ibn Khaldun (2024) mengakui kewujudan penyair agung dalam peradaban lain seperti Parsi, Yunani, dan Himyar, sekaligus menandakan bahawa syair muncul secara fitrah daripada kecenderungan manusia terhadap ritma dan keindahan tutur kata. Justeru, kewujudan puisi tidak terikat kepada satu bahasa sahaja, sebaliknya lahir daripada keupayaan semula jadi manusia dalam menghargai estetika bahasa.

Rumusan

Rumusan daripada hasil dapatan ini, Ibn Khaldun dalam *Mukadimah* menegaskan bahawa kesusasteraan (*adab*) merupakan salah satu daripada empat tiang utama bahasa Arab, di samping leksikografi (*lughah*), tatabahasa (*nahwu*), dan *bayan* (retorik/gaya bahasa). Ilmu-ilmu ini amat penting khususnya kepada para sarjana agama kerana al-Quran dan hadis ditulis dalam bahasa Arab. Kesusasteraan didefinisikan sebagai pengetahuan tinggi tentang sajak dan pelbagai ilmu, yang menuntut penguasaan istilah saintifik dan syariah untuk memahami kiasan dalam puisi dan prosa. Antara karya rujukan utama dalam bidang ini ialah *Adab al-Katib* oleh Ibn Qutaibah, *al-Kamil* oleh al-Mubarrad, *al-Bayan wa al-Tabyin* oleh al-Jahiz dan *al-Nawadir* oleh Abu Ali al-Qali. Ibn Khaldun turut menyorot kemerosotan bahasa Arab klasik (*Mudar*) akibat pengaruh asing, namun menekankan ia masih boleh dihidupkan semula melalui hafalan, pengulangan dan pemahaman struktur asli bahasa. Pelajar disaran menghafal al-Quran, hadis, pidato serta syair klasik Arab untuk mencapai kefasihan. Konsep '*dzauq*' atau rasa bahasa juga ditekankan sebagai hasil latihan berterusan dan pendedahan kepada teks asli, yang melatih naluri bahasa sehingga mampu mengenal kesalahan walau tanpa alasan tatabahasa. Dalam pembahagian bentuk, puisi (*nazam*) memiliki rima dan ritma tertentu manakala prosa (*nathar*)

pula terbahagi kepada prosa bersajak (*musajja'*) dan prosa bebas (*mursal*); al-Quran pula tidak tergolong dalam mana-mana kategori kerana keunikannya berdasarkan *maqati'* dan *dzauq*. Kesusasteraan menurut Ibn Khaldun bukan sekadar keindahan bahasa, tetapi alat pembinaan tamadun, penyebaran ilmu dan penyemaian nilai murni, dengan gaya bahasa mencerminkan kekuatan intelek dan budaya bangsa. Beliau juga menyatakan jarang sekali seseorang mampu menguasai kedua-dua bentuk puisi dan prosa secara mendalam kerana setiap satunya menuntut kebiasaan dan latihan tersendiri, dan kebiasaan awal yang menguasai lidah sukar untuk digantikan atau diseimbangkan dengan yang lain.

Di sini, pengkaji mendapati bahawa Ibnu Khaldun menekankan tentang kepentingan penghayatan kesusasteraan. Kajian ini juga menegaskan bahawa konsep *dzauq* menurut Ibn Khaldun iaitu kepekaan terhadap keindahan serta gaya bahasa hasil pembiasaan dengan teks-gasteks sastera merupakan elemen teras yang kian terpinggir dalam pendidikan sastera moden yang terlalu menekankan aspek kognitif semata-mata. Oleh itu, terdapat lima kaedah pendekatan pengajaran sastera menurut Ibnu Khaldun iaitu Kompetensi Guru (*التمكن*), Penerapan *dzauq* (*التنوق*), Latihan berperingkat (*التدريب*), Imitasi karya agung (*التقليد*) dan Penggunaan keindahan bahasa (*التزيين*). Maka dengan itu, pendekatan ini menawarkan suatu kerangka pedagogi yang menyeluruh serta membawa ke arah pembaharuan, pendidikan sastera demi membina adab, pemikiran dan jiwa bangsa.

Kesimpulan

Pemikiran Ibn Khaldun dalam bidang kesusasteraan memberikan pandangan yang bernilai kepada para pengkaji dan pembaca dalam memahami kaitan yang mendalam antara bahasa, sastera dan pembangunan tamadun. Beliau meletakkan kesusasteraan sebagai salah satu asas utama dalam ilmu bahasa Arab, sambil menegaskan bahawa sastera memainkan peranan penting dalam membentuk kepekaan bahasa (*dzauq*), melatih kefasihan, serta mencerminkan tahap pemikiran dan budaya sesebuah masyarakat. Pandangan ini amat signifikan pada zaman kini, tatkala penguasaan terhadap bahasa dan kefahaman terhadap karya klasik semakin terpinggir. Oleh itu, Ibn Khaldun mengajak kita untuk kembali merujuk kepada sumber asli, mengamalkan hafalan serta mendalami maksud teks, bagi melahirkan generasi ilmuwan yang bukan sekadar mahir berbahasa, malah memiliki kehalusan rasa dan ketajaman retorik. Pendekatan ini amat berguna kepada golongan akademik, pendidik dan pelajar dalam memahami bukan sahaja struktur bahasa, tetapi juga nilai dan roh yang tersirat di sebalik karya sastera, sekali gus menjadikan kesusasteraan sebagai wahana penting dalam pembangunan akal, jiwa dan peradaban manusia. Beliau melihat bahawa bentuk dan struktur bahasa adalah cerminan langsung kepada kekuatan atau kelemahan peradaban. Maka, penguasaan terhadap teknik sajak dan prosa bukan hanya soal estetika, tetapi juga lambang keagungan intelektual dan sosial masyarakat.

Acknowledgements

Penulis ingin mengungkapkan penghargaan yang tulus kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) atas segala sokongan, kemudahan serta tunjuk ajar yang diberikan sepanjang penulisan artikel ini. Bantuan dari segi ilmu, akses penyelidikan dan suasana pembelajaran yang memberangsangkan telah banyak menyumbang kepada kelancaran dan kejayaan kajian ini. Setiap bentuk kerjasama dan sokongan yang diterima amat dihargai, dan menjadi dorongan utama dalam penghasilan karya ini.

Rujukan

- Abdullah, S., & Talib, N. M. (2023). Kecemerlangan tamadun Islam di Andalus berdasarkan teori 'umran Ibn Khaldun. *e-Bangi: Journal of Social Sciences & Humanities*, 20 (3), 353–364. <https://doi.org/10.17576/ebangi.2023.2003.31>
- Ahmad al-Syab. (1964). *Usul al-Naqd al-Adabi*. Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah.
- Aimi Khairunnisa, A. K. & Nurliana, S. (2020). Kepentingan Teori dan Ilmu Sosiologi dalam Konteks Pendidikan Menurut Perspektif Ibnu Khaldun. *Jurnal Tuah*, Vol. 1: 41–53.
- A. Wahab, A. (1995). *Sastera dan Masyarakat*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ali, 'A. W. W. (1962). *Abd al-Rahman Ibn Khaldun: Hayatuhu wa Atharuhu wa Mazahir Abqariyyatihi*. Wizarah al-Thaqafah wa al-Irshad al-Qawmi.
- Azkiya, M. A. (2018). Metode Pembelajaran Sastra Arab. *Alfaz (Arabic Literatures for Academic Zealots)*. Vol 6. No 1: 17-29. <http://dx.doi.org/10.32678/alfaz.Vol6.Iss01.711>
- Campo, J. E. (2009). Ibn Khaldun, Abd al-Rahman ibn Muhammad. In Campo, Juan E. (ed.). *Encyclopedia of Islam*. New York: Facts of File. 334–335.
- Chew, F. P. (2008). Persepsi Khalayak Terhadap Isu-Isu Pendidikan Sastera Perpaduan. *Sari Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. 26. 3-25.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan (Edisi Keempat)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Enan, M.A. 1784. *Ibn Khaldun: His Live and Works*. New Delhi: Kitab Bhavan.
- Enan, M.A. 1941. *Ibn Khaldun: His Life and Works*. Lahore: M. Ashraf.
- Enan, M.A. 2012. *Ibnu Khaldun Riwayat Hidup dan Karyanya*. Terj. Mohd Puzhi Usop & Nik Haslina Nik Ibrahim. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- al-Hashemi, A. I. I. (2013). *Jawahir al-adab fi adabiyyat wa insha' lughat al-'Arab*. Mu'assasat al-Ma'arif.
- Ibn Khaldūn. (2014). *al-Muqaddimah*. Maktabah Nahdah Misr.
- Ibn Khaldun, A. R. M. (2024). *Mukadimah*. The Biblio Press.
- Jasmeen Nurul Iman, J (2024). Kepentingan Kajian Sastera kepada Masyarakat dan Dunia Pendidikan: Satu Penelitian Systematic Literature Review (SLR). *Final Year Project Thesis*. Universiti Malaysia Kelantan.
- Mohd Zahirwan, H., Z. A, Pisol, M, Muhammad Yusri, Y, Paiz, H, Hamdi Rahman, M Y, Abd Munir, M. N & Muhammad Imran, A. R. (2017). Pandangan Ibnu Khaldun Berkaitan Kaedah Pendidikan Dalam Kitab al-Muqaddimah. *Ideology*, 2(1) : 26-35.
- Nabeela Akrasha, S & Azmul Fahimi, K, (2023). "Ibn Khaldun dan Falsafah Sejarah Islam" . *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, Vol. 6, Issue 3, 2023, hlm. 274–286.
- Nor Asyikin, H. A & Suhaila, Z. A. (2018). Ilmu Bahasa Arab Menurut Perspektif Ibn Khaldun. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, Vol. 1, Issue 2, 2018, hlm. 026–035.
- Osman, B. & Baharudin, A. (pnyt.). (2009). *Proceedings International Conference Ibn Khaldun's Legacy and its Significance*. ISTAC, IIUM.
- Rahmah, A. H. O. & Mohd Shahrizal, N. (2011) Sastera Islam: satu perbandingan antara pandangan Mohd. Affandi Hassan dengan Abu Hassan al-Nadwi. *Jurnal e-Utama*. 3. ISSN ISSN 2010-0124.
- Rohani M.M., & Yusoff, A. S. (2015). Tahap Kesiediaan Pelajar Dalam Penggunaan Teknologi, Pedagogi, Dan Kandungan (TPACK) Dalam Pembelajaran Kurikulum di IPT. *Proceeding of the 3rd International Conference on Artificial Intelligence and Computer Science*. Pulau Pinang.
- Rosfazila, A. R., & Abdul Razif, Z. (2017). Model perpaduan dalam kepelbagaian Ibn Khaldun dalam konteks integrasi dan perpaduan masyarakat majmuk Malaysia. *Prosiding*

- Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan (PASAK 2017)*. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).
- Schmidt, Nathaniel. (1978). *Ibn Khaldun: Historian, Sociologist and Philosopher*. Lahore: Universal Books.
- Ulis Dwi Wardani. (2009). Studi mengenai pemikiran Ibnu Khaldun dalam penulisan sejarah tahun 1374-1382 M. *Tesis Sarjana*, Universiti Sebelas Maret.
- Ungku Maimunah, M. T. (2006). Pemahaman dan Penerapan Sosiologi Sastera Dalam Sastera Melayu Moden. *Akademika* 69 (Julai) 2006.3-16.
- Wan Mohd Fazrul Azdi, W. R. (2018). al-Ash^oariyyah Menurut Ibn Khaldun: Sejarawan dan Ahli Sosiologi Islam. *Prosiding Seminar Kebangsaan Asyairah Ahli Sunah Waljamaah 2.0*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yahaya, M. (2018). *Teori 'umran: Penjana kemakmuran negara*. UNISSA Press.
- Zahida Atiqah, A. W., Naizatul Nazira, A. A, Nur Arfadina, S, Nor Izzah, A.W., Nor Ayuni, M. A. & Siti Nur Anis, M. A. (2022). Nilai Sosial Dalam Novel Srengenge Melalui Teori Sosiologi Saste. *e-proceeding Webinar Pelestarian Warisan Budaya Di Persada Dunia 2022*. Universiti Malaysia Kelantan.
- Zaid, A. (2009). Ibn Khaldun: Tamadun ilmu dan relevansinya dalam wacana kontemporari. *Ibn Khaldun dan Ibn Khaldun: Pemikiran Ibn Khaldun dan relevansinya dalam tamadun kontemporari*. Kuala Lumpur: Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya & Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Universiti Putra Malaysia.